



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUUKUR BAHAN  
2020  
UKUR BAHAN**

**KOD : PJU02**

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR  
TENDER/KONTRAK**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2020**

**MASA : 2.00 PTG. – 5.00 PTG.**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA: PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

- a) Berdasarkan 1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PK2.1, nyatakan had nilai pelawaan sebut harga perolehan kerja.  
*(3 markah)*
- b) Senaraikan perkara-perkara yang perlu ada dalam dokumen sebut harga perolehan kerja.  
*(7 markah)*
- c) Huraikan secara ringkas asas penilaian sebut harga perolehan kerja.  
*(10 markah)*

**SOALAN 2**

- a) Nyatakan keperluan asas dalam penyediaan dokumen tender.  
*(10 markah)*
- b) Ringkasan Tender digunakan bagi kontrak berasaskan lukisan dan spesifikasi. Nyatakan **lima (5)** kegunaan Ringkasan Tender.  
*(10 markah)*

SOALAN 3

- a) Selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018, kaedah perolehan secara tender terhad telah dimansuhkan dan diganti dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan.
- i) Nyatakan **tiga (3)** kriteria khusus yang perlu diambil kira bagi penetapan kriteria pra-kelayakan.
- (6 markah)*
- ii) Nyatakan tempoh pelawaan bagi tender terbuka pra-kelayakan.
- (2 markah)*
- b) Terangkan dengan ringkas asas penilaian tender oleh Jawatankuasa Penilaian Tender.
- (12 markah)*

SOALAN 4

- a) Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak 203/203A (Rev. 2010):
- i) Bagaimana dan bilakah pemotongan bayaran balik Bayaran Pendahuluan perlu dibuat dan diselesaikan?
- (4 markah)*
- ii) Nyatakan tempoh penyediaan Perakuan Bayaran Interim.
- (3 markah)*
- iii) Berapakah nilai minima kerja yang perlu dilaksanakan bagi membolehkan Perakuan Bayaran Interim dikeluarkan?
- (2 markah)*

SOALAN 4 (sambungan)

Nama Projek	Pembinaan Kompleks Kesihatan Di Bachok Kelantan
Kos Projek	RM 55,000,000.00
Wang Kos Prima	RM 3,800,000.00
Wang Peruntukan Sementara	RM 1,200,000.00

**Jadual 4(b)**

- b) Berdasarkan maklumat dalam **Jadual 4(b)** di atas, berikan nilai perkara berikut:
- i) Bon Pelaksanaan
  - ii) Bayaran Pendahuluan
- (6 markah)*
- c) Senaraikan syarat-syarat yang membolehkan Perakuan Bayaran Interim pertama dikeluarkan.
- (5 markah)*

SOALAN 5

- a) Nyata dan jelaskan secara ringkas **tiga (3)** kaedah asas dalam menentukan kadar harga bagi penilaian perubahan kerja.
- (12 markah)*
- b) Senaraikan **empat (4)** langkah bagi mengawal perubahan kerja.
- (8 markah)*



SOALAN 6

Nama Projek	Pembinaan Jalan Baru Menghubungkan Jalan Air Kuning dan Simpang Empat di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
Kos Projek	RM 400,000,000.00
Nama Kontraktor	Kontraktor ABC Sdn. Bhd
Pegawai Penguasa	Pengarah JKR Pulau Pinang
Tarikh Milik Tapak	26 Oktober 2019
Tarikh Siap Asal	25 Oktober 2021
% Kemajuan Fizikal <i>pada</i> 28 Februari 2020	30% (Jadual) 10% (Sebenar)
Isu	Kelewatan pengalihan kerja-kerja utiliti disebabkan kelewatan menerima kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**Jadual 6**

Berdasarkan kepada senario pada **Jadual 6** di atas, terangkan dengan ringkas:

- a) Tindakan yang perlu diambil oleh Kontraktor ABC Sdn. Bhd. setelah isu di atas berlaku.

(10 markah)

- b) Tindakan oleh Pengarah JKR Pulau Pinang setelah menerima permohonan seperti di jawapan **soalan 6 (a)**.

(10 markah)

SOALAN 7

Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad akan disediakan setelah kontraktor menunaikan obligasinya di bawah kontrak dan tuntutan kontraktor di bawah kontrak telah diselesaikan.

- a) Nyatakan tempoh untuk menyediakan Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.

*(4 markah)*

- b) Nyatakan perkara-perkara yang perlu diambil kira dalam penyediaan Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.

*(6 markah)*

- c) Senaraikan **lima (5)** dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bersama Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad bagi tujuan pembayaran.

*(10 markah)*

SOALAN 8

Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- a) Anggaran Jabatan

*(4 markah)*

- b) Surat Niat

*(4 markah)*

- c) Surat Setuju Terima

*(4 markah)*

- d) Surat iringan kepada Surat Setuju Terima

*(4 markah)*

- e) Bon Pelaksanaan

*(4 markah)*

SOALAN 9

Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Rev. 2010), nyatakan pegawai yang berkuasa untuk menandatangani perakuan-perakuan dalam **Jadual 9** di bawah:

Bil.	Perakuan	Pegawai Yang Berkuasa Menandatangani
i.	Arahan Perubahan Kerja (APK)	
ii.	Pelarasan Harga Kontrak (PHK)	
iii.	Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa	
iv.	Perakuan Siap Kerja	
v.	Perakuan Pendudukan Separa	
vi.	Perakuan Kerja Tidak Siap	
vii.	Perakuan Siap Membaiki Kecacatan	
viii.	Perakuan Bayaran Interim	
ix.	Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad	
x.	Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kontraktor	

**Jadual 9***(20 markah)*

SOALAN 10

<b>Nama Projek</b>	<b>Pembinaan Sekolah Menengah Bestari Jaya 2, Subang Jaya, Selangor</b>
Kos Projek	RM 40,000,000.00
Skop Projek	A. 1 Blok Fakulti ( RM30 Juta) B. 2 Blok Asrama (RM10 Juta)
Jenis Kontrak	Konvensional
Tarikh Milik Tapak	02 Januari 2019
Tarikh Siap Asal	01 September 2020
Jumlah LAD/sehari	RM7,280.00
Senario	Blok Fakulti telah siap pada 1 Januari 2020, dengan persetujuan kontraktor, kerajaan akan mengambil milik dan menduduki bangunan fakulti pada tarikh tersebut.

**Jadual 10**

Berdasarkan kepada senario pada **Jadual 10** di atas, terangkan dengan ringkas:

- a) Bilakah Perakuan Pendudukan Separa perlu dikeluarkan dan berapakah nilai anggaran bahagian kerja yang akan diambil milik?

(4 markah)

- b) Bilakah Tempoh Tanggungan Kecacatan (*DLP*) bagi bahagian kerja yang diambil milik akan bermula?

(2 markah)



**SOALAN 10 (sambungan)**

- c) Berapakah nilai terkini atau baki Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan (*LAD*) sehari bagi projek di atas setelah mengambil kira Blok Fakulti yang telah diambil milik?

(8 markah)

- d) Adakah nilai insuran dan Bon Pelaksanaan akan berubah setelah Blok Fakulti diambil milik oleh kerajaan?

(2 markah)

- e) Bilakah Perakuan Siap Membaiki Kecacatan (*CMGD*) bagi Blok Fakulti perlu dikeluarkan?

(4 markah)

\*\*\*\*\*